

JABATAN KEHAKIMAN MALAYSIA
MAHKAMAH AGUNG,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR

20
RINGKASAN FAKTA?

Ruj. Bil.(24)dlm.JK/MA/38 Jld. IV

Tarikh: 30hb Ogos, 1991

NOTA AMALAN BIL 3 TAHUN 1991

Ringkasan Penghujahan Kes Untuk Rayuan
Di Mahkamah Agung



Y.A.A. Ketua Hakim Negara dengan ini mengarahkan bahawa di dalam perbicaraan rayuan di Mahkamah Agung, peguam-peguam yang berkenaan ataupun mana-mana pihak yang terlibat di dalam rayuan hendaklah menyediakan suatu ringkasan penghujahan kes yang akan dikemukakan semasa rayuan berkenaan dibicarakan.


Untuk menyelaraskan prosedur menyediakan ringkasan tersebut, amalan berikut hendaklah diikuti.

1. Ringkasan tersebut hendaklah mengandungi butur-butir berikut:-
 - i) Fakta-fakta kes yang dipersetujui.
 - ii) Fakta-fakta kes yang tidak dipersetujui.
 - iii) Rujukan kepada nombor perenggan alasan rayuan dalam memorandum rayuan yang dikemukakan dalam rekod rayuan dan garis pendek penghujahan untuk alasan rayuan tersebut.
 - iv) Autoriti-autoriti yang hendak digunakan.

2. Ringkasan tersebut hendaklah tidak melebihi 3 mukasurat.

3. Ringkasan tersebut hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Agung sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh perbicaraan rayuan berkenaan. Ringkasan yang disediakan hendaklah dalam bentuk seperti contoh dalam Lampiran A.

Nota Amalan ini berkuatkuasa mulai 1hb. September, 1991.


(DATO' WAN MOHAMED BIN WAN MUDA)
KETUA PENDAFTAR,
MAHKAMAH AGUNG MALAYSIA,
KUALA LUMPUR.

Kepada:-

Peguam Negara, Malaysia.

Peguam Besar Negeri, Sarawak, Kuching.

Peguam Besar Negeri, Sabah, Kota Kinabalu.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Malaya.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuching.

Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.

Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kota Kinabalu.

Semua Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, ^{Agung} ~~Tinggi~~ Malaysia.

Semua Penasihat Undang-Undang Negeri.

Setiausaha, Majlis Peguam, Malaya.

Semua Setiausaha, Jawatankuasa-jawatankuasa Peguam Malaya.

Setiausaha, Advocate Association of Sarawak, Kuching.

Setiausaha, Sabah Law Association, Kota Kinabalu.

Semua Setiausaha Hakim, Mahkamah Agung/Tinggi, Malaysia.

Semua Setiausaha Pesuruhjaya Kehakiman, Malaysia.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Hakim Besar Malaya.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo.

Y.A. Hakim Mahkamah Agung/Tinggi, Malaysia.

Y.A. Pesuruhjaya Kehakiman, Malaysia.

LAMPIRAN A

RINGKASAN PENGHUJAHAN KES UNTUK RAYUAN
SIVIL/JENAYAH NO

i) Fakta-fakta kes yang dipersetujui

i) Fakta-fakta kes yang tidak dipersetujui

i) Alasan Rayuan dan Penghujahan

Nombor Perenggan Alasan Rayuan (sebagaimana yang tercatat dalam Memorandum rayuan)	Pengkujahan

) Autoriti-autoriti untuk menyokong alasan rayuan dan penghujahan

Nombor Perenggan Alasan Rayuan (sebagaimana yang tercatat dalam memorandum rayuan)	Autoriti

Ringkasan ini disediakan oleh (nama pihak/firma peguam) bagi pihak Perayu/Responden (sila potong yang mana yang tidak berkenaan)